

KERATAN AKHBAR

WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU

Dulu jururawat kini **tauke** roti

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Ipoh

Dari dunia perubatan ke bidang keusahawanan, Norul Hanafiza Hasan membuktikan perubahan karier bukan penghalang untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

Wanita hebat berusia 33 tahun ini dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) Peringkat Kebangsaan 2024 yang berlangsung di Bulatan Sultan Azlan Shah, dekat Meru, di sini, Sabtu lalu.

Berkongsi kisah, anak jati Tangkak, Johor ini berkata, beliau mengambil keputusan berhenti dari kerjaya asal sebagai jururawat pada 2019 atas sebab mahu menjaga ibu bapanya yang sakit di kampung.

Bagi menampung kehidupan keluarga ketika itu, Norul Hanafiza tekad memulakan perniagaan bakeri secara kecil-kecilan di rumah berbekalkan wang simpanannya sendiri.

"Saya mula mengikuti kursus Quick WIN Bakeri Roti dan Pastri anjuran KEMAS Pagoh selepas seorang kenalan mengajak. Pelbagai perkara baru saya



SALBIAH (empat dari kanan) menyampaikan jambangan bunga, plak dan replika cek kepada Norul Hanafiza (tiga dari kanan) yang diangkat sebagai Ikon Usahawan KEMAS pada WINS Peringkat Kebangsaan 2024. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

belajar, dari pembuatan aneka roti, donat dan kek sehingga aspek pengurusan perniagaan.

"Malah, KEMAS turut menyediakan geran bernilai RM4,000 yang saya manfaatkan untuk pembelian peralatan mesin pengadun, ketuhar dan bahan asas untuk pembuatan bakeri.

"Bermula dari rumah, sedikit demi sedikit saya kembangkan peluang perniagaan dengan menyewa kiosk kecil dan alhamdulillah sekarang saya miliki kafe atas

jenama Warong Roti yang menawarkan ruang selesa kepada pelanggan sambil menikmati kelazatan produk disajikan," katanya.

Selain produk sedia ada seperti roti loaf, bomboloni, kek dan lasagna, beliau kini mahu melebar luaskan lagi perniagaannya dengan memasarkan produk donut sejuk beku dibuat segar di kilang mini miliknya.

"Lebih menarik, pelanggan tidak perlu goreng donut dengan minyak selepas ia dibawa keluar dari peti

sejuk dan dinyahbeku.

"Mereka hanya perlu panaskan donut ini di dalam ketuhar gelombang mikro (microwave) atau boleh juga gunakan penggoreng kering (air fryer)," katanya.

Ibu kepada dua cahaya mata ini berkata, kejayaan dikecapinya ketika ini adalah berkat sokongan berterusan suaminya, Md Zaimi Md Zainal, 38, yang proaktif membantu perniagaannya.

"Jatuh bangun sebagai usahawan itu biasa, jadi

usahawan ini kita mesti

kental, tak boleh mengalah.

"Setiap hari sentiasa cuba benda baru, sentiasa tambah baik diri dengan belajar kemahiran baru dan aktif mengambil peluang dengan melibatkan diri dalam program jabatan," kata Norul Hanafiza yang kini giat membantu usahawan lain sebagai tenaga pengajar bagi kelas pembuatan bakeri dan pastri.

Sementara itu, Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Ahmad Kamal Idris Mohd

Nawawi berkata, sejak 2017 hingga tahun lalu, seramai 18,986 peserta direkodkan menyertai Quick WIN KEMAS, dengan 6,667 usahawan aktif dalam program itu.

Pada majlis sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed merasmikan pelancaran Direktori Usahawan Quick Win 2017-2023.